



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN EKONOMI

19 Mei 2023

PENSTRUKTURAN EKONOMI KE ARAH PERTUMBUHAN EKONOMI YANG MAMPAN

Kementerian Ekonomi menyambut baik pertumbuhan ekonomi negara bagi suku pertama 2023 yang mencatatkan pertumbuhan 5.6% berbanding suku yang sama tahun lalu. Pencapaian ini lebih baik berbanding ramalan penganalisis ekonomi yang meletakkan pertumbuhan sebanyak 4.9% bagi suku tersebut.

Sementara pertumbuhan ini melebihi jangkaan umum, saya sedia maklum bahawa negara berdepan dengan cabaran-cabaran ekonomi global yang akan terus mempengaruhi permintaan kepada eksport Malaysia, terutamanya dalam suku-suku yang akan datang.

Mengambil kira cabaran-cabaran ini, kerajaan dan negara perlu mengambil peluang dari momentum pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan ini untuk meneruskan fokus penstrukturan ekonomi, yang akan mengurangkan keterdedahan Malaysia kepada cabaran ekonomi Malaysia di masa hadapan.

Beberapa langkah penstrukturan ekonomi yang telah berjalan dan akan dipercepatkan adalah:

1. Penstrukturan sektor tenaga untuk mengalih campuran tenaga elektrik (*energy mix*) kepada tenaga boleh baharu (TBB).

Kerajaan telah mengumumkan beberapa dasar baharu bulan ini termasuk membenarkan eksport tenaga boleh baharu rentas sempadan dan peruntukan awal sebanyak RM50 juta untuk mempercepatkan pemasangan solar di bangunan-bangunan kerajaan.

Pengumuman seterusnya yang akan dibuat dalam masa terdekat adalah langkah-langkah kerajaan mempermudah dan menyebarkan penggunaan solar di kediaman domestik untuk menggalakkan lebih banyak isi rumah mempunyai kemudahan solar.

Ini bertepatan dengan keputusan kerajaan untuk mensasarkan subsidi elektrik agar subsidi elektrik dikekalkan kepada kumpulan B40 dan M40; sementara kumpulan pengguna kediaman dari T20 yang menggunakan elektrik pada kadar yang tinggi akan mula membayar pada tarif yang lebih hampir dengan harga pasaran.

Pendekatan bersepadu ini, iaitu dengan memudahkan dan menggalakkan pemasangan solar kepada kumpulan isi rumah yang mampu, dijangka akan membantu mengimbangi kesan kenaikan tarif kepada isi rumah berpendapatan tinggi (yang dianggarkan sekitar 10% dari majoriti isi rumah di Malaysia).

2. Peralihan dasar sosio ekonomi kerajaan dari pendekatan berasaskan pendapatan (B40, M40 dan T20) kepada pendekatan berasaskan pendapatan boleh belanja bersih isi rumah (*household's net disposable income*)

Pengumuman kerajaan mengenai penubuhan Pangkalan Data Utama (PADU) dijangka akan mempercepatkan peralihan kerajaan untuk

membangunkan program dan inisiatif berpandukan kedudukan pendapatan boleh belanja bersih isi rumah.

Sementara itu, Kementerian Ekonomi akan menyelaraskan dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensi agar kerajaan akan mempercepatkan pelaksanaan projek-projek mesra rakyat di seluruh negara sebagai sebahagian dari usaha untuk membantu pertumbuhan ekonomi negara, sementara projek-projek baru yang diluluskan di dalam Belanjawan 2023 mula dilaksanakan.

RAFIZI RAMLI
19 MEI 2023